



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PENURUNAN HARGA TAMBANG TIKET PENERBANGAN DARI SEMENANJUNG KE WILAYAH SABAH DAN SARAWAK SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2022

Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya kepada mereka yang sedang membuat persiapan untuk pulang menyambut Hari Raya Aidilfitri 2022 ke Wilayah Sabah dan Sarawak setelah tidak dapat pulang beraya pada tahun 2020 dan 2021 berikutan wabak COVID-19 yang telah melanda Malaysia serta seluruh dunia.

Selepas mengadakan perbincangan dan mendapat kelulusan YAB Perdana Menteri, sukacita saya memaklumkan bahawa hasil daripada tindakan proaktif Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik, harga tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ke kebanyakan destinasi dari Semenanjung ke Wilayah Sabah dan Sarawak telah menunjukkan penurunan ketara bagi tempoh penerbangan untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2022 iaitu daripada 27 April hingga 8 Mei 2022.

Berdasarkan pemerhatian oleh MAVCOM pada 16 April 2022, harga tambang penerbangan sehala kelas ekonomi bagi tempoh penerbangan untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2022 iaitu pada 27 April hingga 8 Mei 2022 ("tempoh pemerhatian"), adalah antara RM105 hingga RM1,398, manakala, bagi 29 April hingga 1 Mei 2022 ("tempoh puncak"), harga tambang sehala adalah antara RM195 hingga RM1,398. Daripada julat harga tambang tersebut, majoriti harga tiket penerbangan tersedia untuk pembelian bagi semua laluan ekonomi sehala ke Wilayah Sabah dan Sarawak pada tempoh yang dipantau hanyalah antara RM300 ke RM500.

Keadaan ini berbeza sebelum dan pada 14 April 2022 di mana julat harga tambang penerbangan sehala bagi kelas ekonomi untuk tempoh pemerhatian adalah antara RM105 hingga RM2,084, manakala bagi tempoh puncak pula, harga tambang sehala kelas ekonomi adalah antara RM195 hingga RM2,084. Daripada julat harga tambang tersebut, majoriti harga tiket penerbangan ekonomi sehala adalah antara RM700 ke RM1,200.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Sesungguhnya ini merupakan berita yang amat menggembirakan kepada ahli Keluarga Malaysia yang ingin pulang ke Wilayah Sabah dan Sarawak memandangkan harga tiket penerbangan telah turun dengan jumlah yang ketara. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada MAVCOM, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik yang telah bekerjasama rapat bagi mencapai persepakatan ini.

Analisis lanjut menunjukkan bahawa dakwaan harga tambang melebihi RM3,000 bagi tiket penerbangan kelas Ekonomi sehala seperti yang dilaporkan dalam media baru-baru ini adalah sebenarnya bagi laluan udara dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Sabah dengan satu hentian di Kuching, Sarawak.

Sehubungan itu, saya ingin menggesa pengguna untuk mengambil kesempatan ini dan merancang perjalanan mereka dengan membeli tiket penerbangan dengan segera bagi mendapat manfaat daripada tambang penerbangan yang berkemungkinan lebih rendah serta tawaran penerbangan yang lebih baik.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
18 APRIL 2022**

-TAMAT-

---

**Pertanyaan Media**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

